

# British sangsi kebolehan anak watan

Tunku, Tun Razak buktikan penduduk Tanah Melayu boleh tadbir negara

BH-14/7/2007

BERITA HARIAN  
**50**

50 Tahun Mengisi Kemerdekaan

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

**B**EBERAPA jam sebelum bendera British, Union Jack diturunkan pada tengah malam 30 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memaklumkan bahawa pihak Inggeris tidak yakin penduduk Tanah Melayu mampu mentadbir sebuah negara merdeka.

Pengerusi Persatuan Veteran Umno Malaysia, Tan Sri Tajudin Ali, 84, berkata perkara itu dimaklumkan Tunku ketika mereka sama-sama berbual di Hotel Majestic, berhadapan Stesen Kereta api Kuala Lumpur pada petang 30 Ogos itu.

"Inggeris tidak percaya penduduk Tanah Melayu boleh mentadbir sendiri negara yang baru merdeka kerana beranggapan orang Melayu dan Cina seperti 'kucing dengan anjing' yang akan bermusuhan.

"Andaian Inggeris itu terbukti meleset kerana pemerintahan sendiri Tanah Melayu dan sekarang Malaysia menerusi konsep perkongsian kuasa berjaya membangunkan negara ini sebagai wilayah aman dan makmur," katanya ketika ditemui di rumahnya di Ipoh, Perak baru-baru ini.


Mengimbas kembali kenangan hampir 50 tahun lalu itu, Tajudin berkata, pada malam ambang merdeka, beliau dan isteri, Puan Sri Puteri Sharifah Megat Abdul Rahman keluar dari Hotel Majestic kira-kira jam 10 malam untuk ke Padang Kelab Selangor (sekarang Dataran Merdeka) bagi menyaksikan majlis menurunkan bendera Union Jack.

Katanya, ribuan rakyat yang hadir ketika itu bergembira bercampur hiba ketika Union Jack diturunkan. Keesokannya, Tajudin dan isteri menyertai pula ribuan penduduk Malaya melaungkan 'merdeka' bersama-sama Tunku di Stadium Merdeka.

Semua peristiwa itu masih segar dalam ingatan pemimpin veteran Umno itu yang turut mencadangkan kepada kerajaan supaya membeli Hotel Majestic dan menjadikan hotel itu sebagai bangunan warisan kerana banyak mesyuarat penting Umno berlangsung di situ.

Tajudin berkata, beliau sekarang gembira kerana bendera Umno juga mempunyai nama tersendiri seperti Union Jack yang diturunkan 50 tahun lalu.

"Saya terbahit sebagai pengerusi jawatankuasa untuk menamakan bendera Umno pada 2006 dan sebagai nasionalis, saya mencadangkan nama 'Sang Saka Melayu'. Terdetik juga nama ini tidak akan digunakan dan akhirnya ditukar kepada 'Sang Saka



JADI KEBANGGAAN: Tajudin menunjukkan sebahagian daripada bas milik syarikatnya.

Bangsa,' katanya.

Mengenai peristiwa sebelum merdeka, Tajudin berkata, Tunku Abdul Rahman sebenarnya belum bersedia untuk memimpin Umno selepas Datuk Onn Jaafar menarik diri sebagai Yang Dipertua parti itu pada 1951.

Namun, kebijaksanaan Tun Abdul Razak Hussein berjaya memujuk Tunku untuk mengambil alih tugas berkenaan hingga memimpin ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.

Tajudin berkata, Tunku ketika itu berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan seronok dengan tugas berkenaan. Tetapi Tun Razak berpendapat Tunku adalah orang yang paling layak memimpin Umno dan memerdekakan Tanah Melayu daripada penjajahan British yang dikenali sebagai Malaya.

"Tun Razak sebenarnya layak memimpin Umno, tetapi beliau masih muda dan mahu memberi laluan kepada Tunku, manakala Tun Razak sendiri bertindak sebagai pembantu kepada Tunku.

"Saya melihat Tun Razak adalah timbalan atau pembantu yang paling baik kerana gabungan kedua-dua pemimpin ini berjaya membawa Tanah Melayu, kemudian Malaysia menjadi negara yang makmur," katanya.

Tajudin berkata, Tun Razak adalah pemimpin yang cemerlang dan banyak memperkenalkan rancangan baru untuk memajukan Tanah Melayu.

Katanya, Felda yang ditubuhkan pada 1956 adalah idea Tun Razak yang paling bernas untuk membantu orang Melayu keluar daripada belenggu kemiskinan. Bermula dengan kadar kemiskinan lebih daripada 50 peratus penduduk Malaya ketika merdeka, jumlah berkenaan berjaya dikurangkan sehingga kurang daripada lima peratus sekarang.

Selain Felda, Tun Razak juga memulakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bermula 1971 selepas beliau menjadi Perdana Menteri, menggantikan Tunku.

Apakah yang perlu dilakukan untuk mengisi kemerdekaan negara bagi 50 tahun berikut ini?

Menurut Tajudin berkata, kerajaan perlu terus membantu menaikkan taraf hidup orang Melayu dan Bumiputera lain menerusi peluang ekonomi dan pendidikan.

Katanya, sebelum merdeka, beberapa nasionalis Umno agak cuak dengan keupayaan Malaya menghasilkan modal insan sendiri kerana negara baru itu tidak mempunyai universiti.

Ketika itu, pelajar dari Tanah Melayu yang cemerlang biasanya meneruskan pengajian ke institusi di Singapura atau England.

Selepas merdeka, Tajudin berkata, Tun Razak mula merancang untuk menubuhkan cawangan Universiti Malaya (UM) Singapura, di Kuala Lumpur. Hasilnya, kampus UM di Kuala Lumpur ditubuhkan pada 1959.

Kini, Malaysia mempunyai 19 universiti

awam dan lebih 30 universiti swasta dan cawangan universiti luar negara.

"Orang Melayu dan kaum Bumiputera lain perlu diberi peluang seluas-luasnya untuk mendapat pendidikan tinggi kerana hanya menerusi pelajaran mereka akan mendapat pekerjaan dengan gaji lumayan. Dari sinilah, mereka dapat membantu menaikkan taraf hidup keluarga masing-masing," katanya.

## PROFIL

**Tan Sri Tajudin Ali**

**LAHIR :** 1922.

**ASAL :** Batu Kurau, Perak.

**ISTERI :** Puan Sri Puteri Sharifah Megat Abdul Rahman.

**ANAK :** Sembilan (lima lelaki, empat perempuan), 28 cucu.

**PENDIDIKAN:**

● Sekolah King Edwards, Taiping.

**JAWATAN:**

● Pengerusi Persatuan Veteran Umno Malaysia.

**KERJAYA:**

● Pemilik syarikat bas Perak Roadways Berhad.